

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/04/33 (HQ)**

### **TNB MEREKODKAN 3.6% PERTUMBUHAN PERMINTAAN UNIT ELEKTRIK**

- **Kemerosotan pendapatan sebanyak 2.2% disebabkan oleh pengiktirafan jumlah lebihan pemuliharaan ICPT berikutan harga bahan api yang rendah**
- **Keuntungan selepas cukai diselaraskan sebanyak RM3.07 bilion, peningkatan sebanyak 7.7% berbanding separuh pertama TK2015**

**Kuala Lumpur, 27 April 2016** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan pendapatan Kumpulan sebanyak RM21.17 bilion bagi Separuh Pertama Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2016 (TK2016), di mana kemerosotan sebanyak 2.2% direkodkan berbanding pendapatan sebanyak RM21.64 bilion yang dilaporkan untuk tempoh sama tahun lepas. Kemerosotan pendapatan ini adalah disebabkan oleh pengiktirafan jumlah lebihan pemuliharaan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak RM1.39 billion, kesan daripada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan api yang rendah.

Keuntungan Selepas Cukai bagi Separuh Pertama TK2016 adalah sebanyak RM3.28 bilion, di mana penyusutan sebanyak 26.9% direkodkan berbanding Keuntungan Selepas Cukai sebanyak RM4.48 bilion yang dilaporkan untuk tempoh yang sama tahun lepas.

Pelaporan jumlah ICPT dalam penyata kewangan TNB telah dilaksanakan buat pertama kalinya pada Suku Ketiga TK2015, selepas semakan dan perbincangan terperinci dibuat di antara TNB dengan pihak-pihak kawal selia yang berkaitan. Hasilnya, Keuntungan Selepas Cukai TNB yang diselaraskan bagi Separuh Pertama TK2016 mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7% pada RM3.07 bilion berbanding RM2.85 bilion yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan permintaan unit elektrik sebanyak 3.6% yang direkodkan pada Separuh Pertama TK2016 bagi Semenanjung Malaysia. Sila rujuk Jadual 1 di mukasurat sebelah.

Semenanjung (Gwh)	6-bulan	
	TK2016	TK2015
Unit Jualan	53,547.8	51,691.3

Kumpulan (RM juta)	6-bulan	
	TK2016	TK2015
Keuntungan Selepas Cukai	3,277.2	4,484.7
Kerugian Tukaran Wang Asing	235.4	257.4
Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance)	(440.1)	(543.2)
Pelarasan ICPT	-	(1,345.2)
<b>Keuntungan Selepas Cukai Diselaraskan</b>	<b>3,072.5</b>	<b>2,853.7</b>

Jadual 1

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata: "TNB terus mendapat faedah melalui pelaksanaan ICPT di bawah Sistem Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dalam konteks pulangan yang stabil dan pendedahan terhad TNB daripada kesan turun naik kos penjanaan. Dalam situasi semasa di mana permintaan elektrik adalah tidak menentu beserta perubahan corak penggunaan tenaga, pulangan TNB yang stabil merupakan instrumen strategi bagi perancangan masa depan syarikat."

Datuk Seri Ir. Azman Mohd selanjutnya mengulas: "Pada masa yang sama, mekanisme ICPT telah menunjukkan bahawa walaupun terdapat pertumbuhan permintaan sebanyak 3.6% bagi tempoh Separuh Pertama Tahun Kewangan 2016 ini, penjimatan daripada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan api yang rendah akan dipulangkan semula kepada para pengguna."

Bagi menghadapi situasi di mana keadaan pasaran sentiasa berubah dan juga merancang menuju ke arah perkembangan perniagaan, TNB sedang mengambil langkah-langkah positif untuk menjadi Juara Domestik dan Serantau (DRC). Aspirasi ini melibatkan rangkaian hala tuju dan fokus baru syarikat di mana ianya adalah ke arah perkembangan, berpandangan ke hadapan dan tertumpu ke arah pertumbuhan syarikat.

Tambahan Datuk Seri Ir. Azman Mohd lagi: "Bagi operasi syarikat dalam negara, TNB akan mengukuhkan lagi usaha untuk mengoptimumkan kecekapan operasi dan akan membuka nilai

dengan mengambil peluang daripada semua aspek sedia ada, merangkumi segmen penjanaan hinggalah melangkaui meter pelanggan. Di peringkat antarabangsa, TNB akan merangka jejak ke arah pertumbuhan Kumpulan di pasaran membangun utama, terutamanya di pasaran-pasaran yang mempunyai pertumbuhan permintaan tenaga yang tinggi. Pemilihan sasaran pasaran luar negara ini akan dilakukan dengan wajar dan bersesuaian dengan nilai, dimana hasil kesudahannya adalah agar nilai maksimum pemegang saham dapat dicapai di samping terdapat pertumbuhan pulangan yang mampan.”

“Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah dan Pengurusan akan terus berwaspada terhadap cabaran dan risiko lanskap ekonomi sedia ada. Dengan ini, sebarang usaha yang diambil oleh Kumpulan perlulah mempunyai nilai komersial dan akan menyumbang nilai positif kepada para pemegang saham syarikat”.

Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Tahunan 2015, menjangkakan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 4.0% - 4.5% pada tahun 2016 di mana permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Walaupun pelaburan dalam industri minyak dan gas berkemungkinan kekal lemah pada tahun 2016, pelaburan dalam sektor bukan tenaga dijangka berterusan pada tahun 2016, dengan itu menghasilkan limpahan positif kepada bahagian ekonomi yang lain.

BNM turut menyatakan bahawa lanskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mencabar dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2016. Berdasarkan senario yang mencabar ini, Lembaga Pengarah kekal berwaspada dengan prospek Kumpulan untuk tahun berakhir 31 Ogos 2016.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 April 2016**

*Sila kemukakan sebarang pertanyaan kepada Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
/ Teng Yoon Soon (019-293 1228) / Maizatul Nadiah Saadon ( 017-3816602)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

***\*Sila rujuk siaran akhbar Bahasa Inggeris untuk versi asal***

**SOROTAN KEPUTUSAN KEWANGAN**

RM' Juta	6-bulan berakhir Februari	
	<u>TK2016</u>	<u>TK2015</u>
<b>Jumlah Pendapatan</b>	21,166.1	21,637.1
<b>Perbelanjaan Operasi</b>	(17,246.5)	(16,457.1)
<b>Lain-lain Pendapatan Operasi</b>	319.9	340.2
<b>Lebihan Operasi ( EBIT)</b>	<u>4,239.5</u>	<u>5,520.2</u>
<b>Kos Kewangan</b>	(499.2)	(464.2)
<b>Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing</b>	(235.4)	(257.4)
<b>Keuntungan Bersih (sebelum Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing)</b>	3,532.1	4,765.5
<b>Keuntungan Bersih yang Diagihkan kepada Pemilik Syarikat</b>	3,296.7	4,508.1
<b>Pendapatan sesaham</b>	58.41 sen	79.88 sen

**Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2015, TNB membekalkan elektrik kepada 8.9 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecukupan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)